

BERITA HARIAN

DATE: / / 2007

# Generasi muda mesti kuasai tiga kekuatan

BH-27/8/2007  
Berilmu, bersatu dan cinta negara imej bangsa terbilang: PM

Oleh Shamsul Kamal Amarudin dan Mohd Feroz Abu Bakar

**I** POH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pelajar memperkasakan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, mengeratkan perpaduan kaum dan memperbaharui patriotisme sebagai agenda penting mengisi pembangunan negara selepas 50 tahun merdeka.

Perdana Menteri yakin dengan gabungan tiga kekuatan itu, negara yang bakal diterajui generasi muda sekarang, mampu menangani apa saja cabaran yang mendatang.

"Saya mahu lihat rakyat Malaysia berada di mana-mana (di dunia), dalam pelbagai bidang ilmu, dilihat (dunia luar) sebagai orang yang ada kekuatan ilmu, budi pekerti tinggi serta dikagumi kawan dan lawan.

"Inilah pembangunan modal insan yang mahu kita bina kerana kita tidak boleh lari daripada cabaran sebaliknya boleh menggunakan kekuatan yang ada untuk melawannya," katanya berucap pada Program Perhimpunan Perpaduan dan Integrasi Pemimpin Pelajar (Rimup) Peringkat Kebangsaan 2007 di Stadium Indera Mulia di sini, semalam.

Program anjuran Kementerian Pelajaran itu mengumpul kira-kira 1,200 pemimpin pelajar sekolah menengah pelbagai kaum untuk menyertai aktiviti di Perak selama enam hari berakhir semalam.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishamuddin Hussein; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Maximus Ongkili dan Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Abdullah berkata, segala kekayaan dan nikmat yang dikurniakan Tuhan akan terbiar jika rakyat negara ini tidak memiliki kekuatan ilmu pengetahuan, manakala negara pula akan dijajah semula sekiranya semangat patriotisme tidak diperba-



**GENERASI PELAPIS:** Abdullah menerima dokumen hasrat pemimpin murid Malaysia (dari kiri) Navinn Rajendran, Azmaria Azman dan Jes Ebrahim Izaidin sambil diperhatikan Hishamuddin pada majlis penutup Rimup Peringkat Kebangsaan 2007, di Stadium Indera Mulia, Ipoh, semalam.

harui dan perpaduan kaum semakin longgar.

Beliau berkata, dalam perjuangan kemerdekaan amalan 'pecah dan perintah' penjajah berjaya dihapuskan selepas tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India bersatu menentang British.

"Walaupun kita memiliki latar belakang, adat resam dan amalan hidup berbeza, ia bukan bermakna kita tidak boleh berkawan dan menghormati amalan orang lain sebab kita ada satu sebab yang perlu dipertahankan iaitu Malaysia.

"Jika kita berpecah-belah dan tiada yang sayangkan negara, maka kita juga sebenarnya menerima kesusahan dan hidup dalam ketakutan," katanya.

Bercakap pada sidang media se-

lepas itu, Abdullah berkata, golongan muda sekarang dilihat sebagai kurang patriotik kerana mereka lebih banyak mempunyai agenda berkaitan pekerjaan, pelajaran dan persewaan merebut peluang yang ada dalam pembangunan negara.

"Ia berbeza dengan golongan muda pada zaman penjajahan yang kuat memperjuangkan kemerdekaan..sudah tentu perasaan (patriotisme) anak muda ketika itu begitu kuat sekali, malah saya sendiri masih merasai perasaan itu.

"Oleh itu, kita tidak boleh mengatakan golongan muda kini kurang semangat patriotik kerana sekarang kita dalam peringkat mengisi kemerdekaan dan perjuangan untuk menyiapkan diri dengan ilmu pengetahuan tinggi.

"Cara (berjuang) sekarang berlainan daripada dulu, tetapi kita juga tidak mahu anak muda kita sampai terlupa betapa pentingnya menunjukkan mereka juga pada akhirnya akan memikul tanggungjawab untuk negara," katanya.

Justeru, katanya, golongan muda perlu sentiasa diingatkan supaya menjadi warga terbaik bukan saja untuk kepentingan negara tetapi juga untuk kebaikan diri dan keluarga mereka sendiri.

Abdullah berkata, atas kesedaran itulah, kerajaan secara konsisten memberi peruntukan tinggi kepada Kementerian Pelajaran setiap tahun bagi memastikan mereka tidak menghadapi masalah melaksanakan pelbagai program membangunkan modal insan.